

Bina kunci air elak banjir

PUCHONG—Kejadian banjir besar yang menyebabkan beberapa kampung ditenggelami air minggu lalu membuatkan penduduk Kampung Kenangan di sini bimbang bencana sama berlaku lagi pada masa depan.

Dalam kejadian awal pagi Khamis lalu, kuantiti air hujan yang luar biasa menyebabkan air sungai Klang melimpah masuk ke dalam kampung.

Bencana menyebabkan puluhan rumah digenangi air manakala laluan jalan raya dipenuhi sampah sarap yang dialirkan bersama limpahan air sungai.

Wakil penduduk, Ramli Dahlan berkata, air sungai melimpah masuk melalui saliran perparitan yang bersambung dengan rumah penduduk kampung.

"Dalam keadaan kelim kabut, penduduk beramai-ramai terpaksa membuat benteng menggunakan beg guni pasir bagi mengelakkan lebih banyak air masuk ke kampung.

"Kira-kira dua jam selepas itu barulah air mula surut dan kegusaran lebih banyak limpahan air masuk ke da-



Ramli menunjukkan guni pasir digunakan sebagai penghalang air dalam longkang ketika air Sungai Klang melimpah masuk ke dalam kampung, awal pagi Khamis lalu.

lam kampung menjadi reda,"katanya.

Justeru, pihaknya memohon agensi bertanggungjawab membina kunci air supaya dapat menghalang air sungai memasuki kampung sekiranya kuantiti hujan lebih daripada biasa.

"Sejak puluhan tahun se-

belum ini, kampung sering banjir tetapi keadaan akan menjadi lebih keruh sekiranya paras air sungai melebihi benteng.

"Penduduk berpendapat kunci air adalah langkah pe-nebatan banjir yang mungkin bersesuaian bagi mengatasi masalah ini,"katanya lagi.